

AL-QURAN SUMBER KEKUATAN UMMAH

MALAYSIA SEDIA TERIMA ANGGOTA PKM UNTUK PEMULIHAN — PM

UM 3 APR 1967

KODIANG (Kedah) 2 April — Malaysia sanggup menerima semula untuk dipulihkan anggota - anggota Parti Komunis Malaya (PKM) yang menyerah diri kepada pihak berkuasa Thai, tetapi tidak akan memberikan pengampunan secara beramai - ramai kata Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri mengulas penyerahan diri secara beramai - ramai kesemua 114 anggota Rejimen Ke-8 PKM, termasuk 84 orang rakyat Malaysia kepada kerajaan Thailand di Sudau tiga hari lalu.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Thai Jeneral Prem Tinsulanonda.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan Sekolah Rendah Tunku Bendahara di

sini, Datuk Sri Dr. Mahathir menyifatkan kejayaan terbaharu yang dicapai oleh kerajaan Thai itu ada tanda-tanda bahawa gerakan komunis telahpun hancur dan hanya tinggal berapa orang saja lagi.

Tahniah

Beliau menjelaskan, kejayaan yang dicapai itu dijalankan oleh kerajaan Thai dengan pengetahuan pihak kerajaan Malaysia. Perdana Menteri memberitahu, beliau telah menghantar kawat tahniah atas kejayaan tersebut kepada rakan sejawatnya, Perdana Menteri Thai, Prem Tinsulanonda hari ini.

Beliau menambah, satu kenyataan rasmi juga akan dikeluarkan di Kuala Lumpur bersabit dengan penyerahan diri beramai - ramai anggota - anggota PKM tersebut dalam sehari

dua ini.

Penyerahan diri beramai - ramai kesemua anggota Rejimen Ke-8 PKM itu diumumkan oleh Komander Tentera Darat Wilayah Ke-4, Thailand, Leftenan Jeneral Visit Arthkumwong dalam sidang akhbar di Bangkok semalam.

Ditanya bersabit rancangan untuk membuka pintu pagar sempadan Malaysia - Thai di Bukit Kayu Hitam selama 24 jam bagi galakan pelancongan, Perdana Menteri berkata perkara tersebut sedang dalam kajian dan keputusan belum dibuat lagi.

Sebelum itu, Datuk Sri Dr. Mahathir yang disertai oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Sri Haji Osman Aroff juga telah melawat dan menyaksikan pameran anti dadah yang dijayakan oleh jabatan dan agensi - agensi kerajaan termasuk Pertunjukan anjing pengesan dadah.